

22 MAY 2000

Teluk Kemang-Calon

BN DAN PEMBANGKANG NAMAKAN CALON BAGI PILIHAN RAYA KECIL TELUK KEMANG

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) dan Barisan Alternatif hari ini menamakan S. Sothinatahan dan Ruslan Kasim sebagai calon masing-masing bagi pilihan raya kecil Teluk Kemang pada 10 Jun ini.

S. Sothinatahan adalah setiausaha politik kepada Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu manakala Ruslan adalah ketua penerangan Parti Keadilan Nasional.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan Pengerusi BN mengumumkan nama calon BN itu selepas melancarkan logo baru MEC Dagang Sdn Bhd di sini hari ini.

Samy Vellu kemudian memperkenalkan Sothinatahan kepada perdana menteri. Yang turut hadir ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad dan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakub .

Pencalonan Ruslan diumumkan oleh Barisan Alternatif dalam satu kenyataan yang ditandatangani oleh empat pemimpin gabungan parti pembangkang itu -- Presiden PAS Datuk Fadzil Noor, Presiden Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock dan Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM) Dr Syed Husin Ali.

Samy Vellu berkata Sothinathan, yang dilahirkan di Port Dickson yang terletak dalam kawasan Teluk Kemang, akan dapat diterima dengan baik oleh pengundi di situ.

Beliau melahirkan penghargaannya kepada Dr Mahathir dan Isa kerana menerima calon MIC.

Samy Vellu yakin bahawa BN akan mengekalkan kerusi itu dengan majoriti besar.

Sothinathan, 40, adalah lulusan undang-undang dari Universiti of London dan ekonomi dari Universiti Malaya.

Beliau bekerja sebagai pensyarah di Locke Academic Seremban sebelum dilantik menjadi setiausaha politik kepada Samy Vellu pada 1989.

Kenyataan Barisan Alternatif juga menyatakan DAP, yang telah bertanding di kawasan itu sejak 1969, bersetuju memberi laluan kepada calon Keadilan pada kali ini.

Ruslan, seorang peguam, juga merupakan Ketua Perhubungan Keadilan Negeri Sembilan.

-- BERNAMA

rv nhd rhm